

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan mengenai pentingnya menyusun draf pengkajian untuk mengemukakan persoalan yang dikaji dan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.<sup>1</sup> Ia dimulakan dengan latar belakang kajian dan pernyataan masalah. Seterusnya bab ini mengemukakan penerangan mengenai objektif kajian bagi memperihalkan tujuan kajian dilakukan. Bab ini juga turut menjelaskan mengenai definisi tajuk dan menyatakan kepentingan kajian serta memberi penjelasan mengenai skop kajian bagi menjelaskan ruang lingkup kajian yang dilakukan serta meneliti kajian-kajian lepas yang pernah ditulis berkaitan subjek yang dikaji. Metodologi kajian dalam bab ini pula, memperlihatkan bagaimana data-data yang dikumpul dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, susunan penulisan juga disusun untuk menggambarkan keseluruhan kajian.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Islam telah bertapak dan berkembang di rantau Asia Tenggara khususnya di Malaysia sejak abad ke-15M. Pada asasnya, dakwah Islam mula berkembang menerusi aktiviti pedagang Arab di rantau Asia Tenggara. Hal ini kerana kedudukan geografi Malaysia atau Tanah Melayu terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara dan terkenal dalam kalangan perdagangan Arab sebagai "*gedung perdagangan*".<sup>2</sup> Menurut

---

<sup>1</sup>Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Intel Multimedia and Publication, h. 97.

<sup>2</sup>Mahayudin Yahaya (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

kebanyakan ahli sejarah, faktor inilah yang menyebabkan Malaysia atau Tanah Melayu menjadi tumpuan pedagang Arab dan ulama untuk menyebarkan dakwah Islam.<sup>3</sup>

Dari masa ke semasa, penyebaran dakwah Islam terus tumbuh dan berkembang melalui usaha-usaha kegiatan dakwah secara serius atau aktiviti dakwah tertentu yang digagaskan, antaranya *Harakah al-Tajdīd*, gerakan dakwah Islam dan gerakan kebangkitan Islam di Tanah Melayu sehingga perlembagaan Malaysia berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957 iaitu pada hari Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.<sup>4</sup> Ia merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia sehingga kini. Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3 (1) turut menyentuh kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan;

*Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan, tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*<sup>5</sup>

Implikasi dari inilah wujudnya institusi kerajaan dalam menjaga hak kebajikan agama Islam dan melaksanakan tuntutan dakwah Islam di Malaysia dengan kekuatan yang diperoleh bagi mewujudkan keselarasan dan kemurnian agama Islam dari sudut cabaran dan masalah yang sentiasa menduga keutuhan Islam. Manakala wujudnya institusi bukan kerajaan (NGO) pula, turut memainkan peranan penting bagi membantu institusi kerajaan supaya merencanakan lagi aktiviti dakwah untuk mempertingkatkan kefahaman masyarakat Islam mengenai ajaran Islam.

---

<sup>3</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25.

<sup>4</sup>Md. Noor Deris (1987), "*Proses Pengislahan di Malaysia*", j. 3, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 176.

<sup>5</sup>Malaysia (1996), *Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Penerbit International Low Book Services, h. 2.

Dalam hal ini, Ab. Aziz Mohd Zin<sup>6</sup> menjelaskan bahawa Islam menuntut umatnya menghormati dan bergaul baik dengan masyarakat agama lain, sehingga banyak dalam kalangan mereka mendekati dan mempelajari ajaran Islam secara tidak langsung. Lantaran tu, timbullah kesedaran mengenai kebenaran Islam dan menimbulkan minat mereka terhadap Islam serta terdapat dalam kalangan mereka yang terus memeluk Islam.<sup>7</sup> Maka di sini lahirlah istilah yang unik iaitu saudara baru atau saudara Muslim berbeza dengan istilah yang disebutkan dalam al-Quran. Bagi golongan tersebut, diterjemahkan daripada istilah *mu'allaf*, istilah *mu'allaf* adalah berdasarkan istilah Arab seperti yang dinyatakan dalam al-Quran "*Al-Mu'allafah Qulūbuhum*" yang bermaksud orang yang hatinya dipujuk atau dijinakkan untuk cenderung kepada agama Islam.<sup>8</sup>

Menurut Hamka,<sup>9</sup> *mu'allaf* ialah orang yang dijinak hatinya dan digembirakan sehingga mereka tidak berasa asing dengan Islam setelah mereka memeluk Islam. Ini kerana, Islam tidak membezakan antara penganutnya melainkan ketakwaan kepada Allah SWT. Walaupun masyarakat tersebut terdiri daripada pelbagai rumpun dan bangsa, namun mereka tetap diiktiraf sebagai saudara seislam dalam masyarakat masa kini.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup>Beliau berpendidikan di peringkat Sarjana Muda (Syariah) YPTIK Nilam Puri, Ijazah Sarjana (Dakwah) Universiti Islam Imām Muḥammad Ibn Sa'ūd, Riyāḍ dan Ijazah Doktor Falsafah (Dakwah) Universiti Malaya. Beliau menghasilkan banyak kajian mengenai dakwah yang dimuatkan dalam jurnal, buku akademik dan lain-lain. Beliau juga banyak terlibat sebagai *membership* dalam institusi dan organisasi yang berkaitan dengan dakwah. Beliau adalah bekas Profesor dan pensyarah kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM).

<sup>7</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin *et. al* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 112.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>Hamka atau nama penuh beliau Haji Abdul Malik bin Karim bin Amrullah dan sangat dikenali dengan panggilan Hamka. Beliau dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Maninjau, Minangkabau, Sumatera Barat. Bapa dan datuk beliau merupakan ulama yang berpengaruh di Minang Kabau. Beliau merupakan seorang yang aktif dan produktif dalam menulis dan menghasilkan karya khususnya dalam bidang sastera. Beliau juga telah terlibat menulis dalam pelbagai majalah dan akhbar seperti Majalah Pedoman Masyarakat dan Panji Masyarakat. Karya-karya beliau telah banyak membantu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat di Indonesia terhadap kepentingan Islam. Dengan jasa yang telah dicurahkan, beliau telah dianugerahkan ijazah kehormat dari Universiti al-Azhar Mesir pada tahun 1958 dan kemudian mendapat gelaran Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Hamka pernah dipenjarakan oleh Presiden Sukarno pada 27 Ogos 1964 berdasarkan Undang-undang Anti Subversif di atas dakwaan beliau melakukan komplot jahat untuk menentang dan membunuh Presiden. Selepas kejatuhan Sukarno beliau dibebaskan. Beliau meninggal dunia pada 24 Julai 1981 dalam usia 73 tahun kerana sakit jantung.

<sup>10</sup>Hamka (1981), *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Melayu Baru, h. 191.

Saudara baru adalah golongan Islam yang dimuliakan oleh Allah SWT, mereka diibaratkan sebagai seorang bayi yang baru dilahirkan yang suci dan bersih dari dosa. Mereka amat memerlukan bimbingan dan dorongan serta perhatian supaya keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama yang baru dianuti menjadi mantap dan kukuh. Mereka juga menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam kehidupan harian yang diharungi demi menjaga kesucian dan kemurnian Islam.<sup>11</sup>

Justeru itu, umat Islam perlu menyedari situasi ini, ia haruslah dipaparkan dan direnung bersama agar seluruh umat Islam sedar bahawa mereka adalah bersaudara. Umat Islam juga perlu memahami, membantu, membimbing dan peka terhadap golongan ini kerana mereka amat memerlukan bantuan dan sokongan dari umat Islam yang sedia ada untuk membantu meringankan bebanan yang mereka hadapi dan meningkat kefahaman mengenai tuntutan ajaran Islam.<sup>12</sup>

Demikian lagi badan-badan kerajaan dan badan-badan NGO hendaklah memainkan peranan penting dalam usaha mempelbagaikan aktiviti dakwah terhadap saudara baru kerana aktiviti dakwah adalah merupakan usaha umat Islam dalam pembinaan masyarakat yang dilaksanakan secara teratur. Aktiviti dakwah yang dijalankan adalah elemen penting dalam usaha menambah kefahaman Islam kepada mereka mengenai asas-asas Islam.<sup>13</sup>

Menurut statistik saudara baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dari tahun 2004 hingga 2009, mendapati jumlahnya

---

<sup>11</sup>Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 125.

<sup>12</sup>Temu Bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, Jam 11:30 Pagi, Pada 21 Januari 2009. Beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2006 hingga akhir November 2010.

<sup>13</sup>Zulpan Nasution (2000), *Asas-asas Dakwah dan Pendidikan Islam*, Johor: Terbitan Jahabersa, h. 3.

seramai 3866 orang.<sup>14</sup> Ini membuktikan golongan *non-Muslim* yang menganut Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah jumlah yang besar. Memandangkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan Ibu negara Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, sudah tentu terdapat institusi dakwah yang memainkan peranan penting dalam menjaga hak kebajikan umat Islam khususnya membantu golongan saudara baru dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai tuntutan ajaran Islam. Oleh demikian, suatu kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti tersebut dan mengetahui adakah ia dapat direalisasikan dengan sebaik mungkin.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Dalam kepesatan perkembangan dakwah Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menurut statistik Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), mendapati begitu ramai masyarakat *non-Muslim* yang menganut Islam. Masyarakat tersebut terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum yang mempunyai pelbagai latar belakang. Ini kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah Ibu negara Malaysia dan merupakan pentas metropolitan yang menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur, peluang-peluang pekerjaan, perniagaan, pendidikan dan sebagainya.

Disebabkan demikian, ia menjadi daya tarikan dan tumpuan orang ramai untuk mendapatkan peluang-peluang tersebut yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Maka di sinilah berlakunya pergaulan di antara masyarakat Muslim dan *non-Muslim* sehingga menarik minat mereka untuk mendekati Islam kerana terserlah keindahan dan kebenarannya. Di samping itu, institusi-institusi dakwah

---

<sup>14</sup>Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t), *Laporan Statistik Saudara Baru JAWI*, Kuala Lumpur: Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dari Tahun 2004 Hingga 2009. Statistik saudara baru pada tahun seterusnya tidak di benarkan untuk paparan umum kerana ia menjadi bahan kawalan JAWI.

di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam usaha mempelbagaikan aktiviti dakwah di wilayah tersebut. Oleh demikian, inilah antara sebab-sebab utama terbukanya pintu hati golongan tersebut mendapat hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT untuk menganut agama Islam.

Bagi golongan ini, ia menghadapi situasi yang mencabar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana berbagai-bagai perubahan dan masalah serta budaya yang tidak sihat berlaku antaranya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, keruntuhan moral dalam kalangan umat Islam dan sebagainya.

Justeru itu, institusi dakwah yang terlibat dalam menjalankan aktiviti dakwah terhadap saudara baru perlu kemas kini dari masa ke semasa berdasarkan perubahan, permasalahan dan keperluan semasa sehingga ia benar-benar menepati keperluan mereka.

Oleh demikian, JAWI adalah Jabatan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam dan menjaga kebajikan umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah terlibat secara langsung dalam melakukan aktiviti dakwah terhadap saudara baru dan memainkan peranan penting dalam menjayakan aktiviti tersebut, yang merangkumi aktiviti berbentuk harian, mingguan, bulanan dan tahunan tersebut diisi dengan pelbagai aspek untuk membangun mental, fizikal dan rohani golongan tersebut.

Berdasarkan permasalahan di atas, statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu dikenal pasti coraknya secara terperinci kerana ia adalah bahan asas dalam kajian ini. Seterusnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui apakah aktiviti dakwah yang telah dijalankan terhadap saudara baru di JAWI dan beberapa masalah yang timbul?

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini, adalah untuk:

1. Mengenal pasti corak statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2004 hingga 2009.
2. Menganalisis aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan terhadap saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).
3. Mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini sangat berguna untuk mempertingkatkan strategi dakwah Islam terhadap saudara baru khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara kepentingan kajian ini ialah:

1. Sebagai panduan dan rujukan bagi saudara baru untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti dakwah supaya dapat mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap asas-asas Islam.
2. Sebagai panduan kepada masyarakat Islam yang sedia ada dan memupuk minat serta komitmen berdakwah dalam menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat umum secara amnya dan khususnya kepada saudara baru.
3. Sebagai bahan rujukan bagi pihak pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) dalam pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapinya.

4. Untuk kegunaan dan panduan kepada badan-badan NGO di Malaysia yang berminat untuk membantu saudara baru khususnya bagi pihak pengurusan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), pihak pentadbiran Islamic Outreach ABIM (IOA), pihak pengurusan Jemaah Islam Malaysia (JIM), pihak pentadbiran Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan pihak Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM).
5. Untuk menambah khazanah keintelektualan dalam bidang dakwah dan juga sebagai bahan rujukan bagi insan akademik yang mempunyai minat dalam bidang penyelidikan khususnya berkenaan dengan bidang dakwah terhadap saudara baru dan *non-Muslim*.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) dan turut mengumpul statistik saudara baru dari tahun 2004 hingga 2009 adalah untuk dianalisis. Penstrukturan kajian ini, memberi tumpuan terhadap aspek-aspek pelaksanaan aktiviti dakwah dan masalahnya di JAWI. Kajian ini adalah berbentuk lapangan yang menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat-maklumat saudara baru melalui tinjauan secara langsung dan temu bual dalam rangka penyelidikan yang merangkumi kelompok responden iaitu: pegawai Hal Ehwal Aktiviti Dakwah Saudara Baru, pendakwah (mubaligh) dan saudara baru. Sehubungan dengan itu, keseluruhan maklumat yang diperoleh berkaitan maklum balas aktiviti dakwah terhadap saudara baru dianalisis secara terperinci bagi mengetahui secara menyeluruh dan dapat membuat kesimpulan berdasarkan objektif kajian.

## 1.7 Definisi Tajuk

Penjelasan definisi tajuk amatlah penting bagi memenuhi keperluan kajian untuk mencapai tujuan dan matlamat ke arah petikan perkataan tajuk dan fasa di dalam penyelidikan ini. Pengertian definisi tajuk perlu dijelaskan agar pengertiannya terkandung di dalam tajuk merangkumi segala isi yang berkaitan. Dalam konteks penggunaan definisi ini adalah seperti berikut:

### a. Aktiviti

‘Aktiviti’ menurut Kamus Dewan ialah kegiatan sama ada dalam bentuk sosial, sukan, budaya dan lain-lain lagi. Manakala kamus *Inggeris Melayu-Dewan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; perkataan aktiviti menggambarkan kecerdasan atau sibuk sekali. Ia berasal dari perkataan ‘*active*’ bermaksud cergas, cerdas, mengambil bahagian yang aktif dalam sesuatu, giat, hidup atau berpengaruh.<sup>15</sup> Aktiviti yang dimaksudkan di sini ialah pelaksanaan ataupun tindakan dalam melakukan sesuatu terhadap saudara baru.

### b. Dakwah

Dakwah adalah perkataan yang berasal dari istilah bahasa Arab yang bermaksud “mengajak, memanggil atau menyeru”.<sup>16</sup> Menurut Abdullah Abdul Ḥayyī Muḥammad, dakwah secara umumnya dengan makna bangkit para pendakwah dari kalangan ulama untuk menyampaikan Islam kepada manusia dan mengajar mereka

---

<sup>15</sup> *Kamus Inggeris Melayu-Dewan, An English-Malay Dictionary* (1992), Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 16.

<sup>16</sup> Teuku Iskandar (1992), *Kamus Dewan*, c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 887.

perkara-perkara berkaitan dengannya serta menjelaskan mengenai hakikat dunia mengikut ajaran Islam semampunya.<sup>17</sup>

### **c. Terhadap**

Menurut Kamus Dewan, perkataan ‘terhadap’ sama erti dengan berkenaan, mengenai dan tentang. Ia bermaksud, hala tuju atau memberi tumpuan.<sup>18</sup> Kalimah ‘terhadap’ digunakan dalam tajuk penyelidikan ini adalah untuk memfokuskan kepada satu golongan (saudara baru) yang perlu diberi tumpuan.

### **d. Saudara Baru**

Saudara baru menurut *Kamus Dewan* bermaksud orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan kawan atau saudara seagama.<sup>19</sup> Kalimah ini menunjukkan wujudnya pertalian atau ikatan persaudaraan yang erat apabila seseorang itu memeluk Islam. Manakala kalimah ‘baru’ bermaksud belum pernah atau ada sebelumnya.<sup>20</sup> Kalimah ini dirujuk kepada manusia, kaum atau golongan yang baru memeluk Islam sebagai agamanya. Tujuan kalimah ini digunakan khusus kepada mereka yang baru memeluk Islam untuk disampaikan ajaran Islam sebagai sasaran dalam mempertingkatkan pemahaman mereka setelah menganut Islam.

### **e. Kajian**

Kajian ialah kegiatan yang berorientasikan kepada perubahan, melakukan sesuatu yang berguna dengan menggunakan data atau maklumat yang telah diperolehi melalui

---

<sup>17</sup>Abdullah Abdul Hayyī Muhammad (1985), *Dirasat Tahliyyah fī al-Da‘wah Wa al-Du‘ah*, Kaherah: Pustaka Muhammadiyah, h. 638.

<sup>18</sup>Kamus Dewan (2010), *Dewan Bahasa Pustaka*, Kuala Lumpur, edisi 4, h. 496.

<sup>19</sup>Teuku Iskandar (1992), *op. cit.*, h. 112.

<sup>20</sup>Abdullah Abdul Hayyī Muhammad(1985), *op. cit.*, h. 3.

proses-proses penyelidikan. Paradigma kajian ialah perkaitan usaha atau percubaan untuk memperbaiki fenomena atau masalah yang berlaku di persekitaran tertentu.<sup>21</sup> Dalam perspektif ini, kajian ialah mendapatkan maklumat-maklumat untuk dibuat kesimpulan dalam sesuatu perkara yang hasil daripada penelitian terhadap sesuatu objek. Ia digunakan dalam tajuk penyelidikan ini sebagai usaha membuat penelitian terhadap apa yang berlaku dalam kalangan saudara baru.

#### **f. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

Sebuah institusi kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan umat Islam di Wilayah Persekutuan. Fungsinya ialah mengurus, mentadbir dan menyelaraskan masyarakat Islam di Wilayah tersebut. Institusi ini, berperanan untuk membentuk umat Islam yang progresif, responsif, dinamik dan positif sejajar dengan tuntutan Islam.<sup>22</sup> Institusi ini juga memainkan peranan penting dalam membentuk golongan yang baru memeluk Islam iaitu saudara baru dengan diadakan berbagai-bagai aktiviti dakwah yang dapat membantu mereka untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

### **1.8 Kajian-kajian Lepas**

Kajian mengenai saudara baru bukanlah suatu perkara yang baru terutamanya di negara Malaysia yang mempunyai pelbagai agama dan kaum. Terdapat beberapa kajian berkaitan dengan saudara baru sebelum ini dan kebanyakan dilakukan di dalam bentuk kajian ilmiah dan tesis, antaranya adalah seperti berikut:

---

<sup>21</sup>Kamus Dewan (2010), *op. cit.*, h. 657.

<sup>22</sup>Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my>.27/07/2004.

- a. Kajian oleh Yusri Abu<sup>23</sup> bertajuk *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru: Suatu Kajian di Kuala Lumpur*. Kajian ini merangkumi tahap kefahaman saudara baru terhadap perkara-perkara asas dan seterusnya lebih mendalam mengenai akidah. Kajian ini juga menyentuh perkara-perkara yang berhubung kait dengan kefahaman saudara baru terhadap akidah seperti proses pembelajaran, pengajaran dan sebagainya.

Hasil kajian ini mendapati:

- i. Terdapat pendekatan berbeza yang digunakan oleh badan-badan dakwah di dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti atau program kepada saudara baru khusus dalam pengajian akidah.
- ii. Pelbagai kaedah digunakan untuk menyampaikan ilmu akidah kepada saudara baru melalui perbincangan dan tumpuan secara individu dan sebagainya.
- iii. Terdapat beberapa usaha yang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah untuk menggalakkan kehadiran saudara baru ke kelas-kelas pengajian seperti memberi elaun kehadiran dan sebagainya.
- iv. Terdapat dalam kalangan saudara baru yang mempunyai masalah tertentu untuk menghadiri ke kelas-kelas pengajian khusus pengajian akidah seperti kesuntukan masa, halangan komunikasi dan sebagainya.

Kajian ini banyak menyentuh mengenai perkara-perkara asas dalam akidah dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan kefahaman saudara

---

<sup>23</sup>Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru: Suatu Kajian di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Kajian Tesis Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

baru mengenai akidah. Justeru, kajian ini tidak menyentuh mengenai keberkesanan terhadap aktiviti-aktiviti tersebut serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah dalam aktiviti tersebut.

- b. Kajian oleh Mohammad Hasnil Abu Bakar.<sup>24</sup> Kajian ini bertajuk: *Peranan Unit Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak dan Kedudukan Mualaf*. Kajian ini mengenai hak golongan yang baru menganut Islam dan cabaran yang dihadapi oleh mereka sama ada dari diri mereka sendiri mahupun cabaran dari luar. Kajian ini turut melihat penghayatan mereka dalam Islam dari segi amalan-amalan fardu ain, fardu kifayah serta melihat bagaimana cara menyalurkan hak dan kebajikan mengikut kesesuaian zaman masyarakat itu sendiri.

Hasil kajian ini mendapati:

- i. Sesuatu masalah tidak mungkin dapat diuruskan dengan baik dan sempurna melainkan ia difahami dengan jelas dan menyeluruh. Begitu juga dengan masalah dalam menyempurnakan hak saudara baru. Untuk menguruskannya dengan berkesan, ia mesti berpandukan perspektif yang menyeluruh dan konsisten.
- ii. Saudara baru layak atau tidak untuk menerima hak dari peruntukan ke atas mereka, ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Bagi mengelakkan golongan yang hati mereka berpenyakit dari mengambil peluang merebut hak saudara baru lain yang amat memerlukan memerlukan.

---

<sup>24</sup>Mohammad Hasnil Abu Bakar (2004), *Peranan Unit Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak dan Kedudukan Mualaf*. Kuala Lumpur, Kajian Tesis Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kajian di atas menyentuh mengenai kedudukan mualaf, hak *mu'allaf*, cabaran dihadapi oleh mualaf dan penghayatan mereka mengenai amalan-amalan fardu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan harian. Oleh demikian, kajian ini tidak menyentuh mengenai kepentingan peruntukan zakat dalam merealisasikan pelaksanaannya terhadap pembangunan aktiviti dakwah kepada golongan tersebut.

- c. Kajian oleh Ab. Ghafar Haji Don<sup>25</sup> bertajuk *Perspektif Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Kajian ini memfokuskan metodologi dakwah kepada masyarakat Orang Asli yang dilakukan oleh Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.

Hasil kajian ini mendapati:

- i. Keberkesanan dan kejayaan program dakwah terhadap Orang Asli bergantung kepada kefahaman kita mengenai aspek-aspek kepercayaan, budaya, psikologi dan persekitaran masyarakat Orang Asli serta kebijaksanaan kita mengaplikasikan metodologi dakwah.
- ii. Dakwah *bi al-Hāl* amat ditekankan terutamanya dalam melakukan kerja-kerja kebajikan melalui budi pekerti yang baik kerana ia merupakan aset yang penting dalam usaha dakwah Islam terhadap masyarakat Orang Asli.
- iii. Pendekatan dakwah yang diambil dapat memperlihatkan bagaimana cara penerimaan Orang Asli terhadap ajaran Islam.

---

<sup>25</sup>Ab. Ghafar Haji. Don (1998), *Perspektif Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Bangi, Penerbit UKM.

Kajian ini membincangkan mengenai aspek-aspek metodologi dakwah untuk menarik minat masyarakat Orang Asli bagi menghayati ajaran Islam. Justeru, kajian ini tidak memfokuskan mengenai perkara-perkara asas yang berkaitan dengan pelaksanaan tuntutan Islam kepada golongan tersebut seperti asas-asas fardu ain, intensif fardu ain dan lain-lain lagi.

- d. Kajian oleh Amran Kasimin<sup>26</sup> bertajuk *Religion and Social Change Among The Indigeneous People of The Malay Peninsula*. Kajian ini memfokuskan perkaitan kehidupan masyarakat Melayu dan penyebaran Islam kepada Orang Asli di negeri Johor dalam kalangan Orang Ulu dan Orang Laut. Kajian ini berbentuk kajian lapangan iaitu dari sudut keterlibatan pengkaji dengan kehidupan mereka serta temu bual yang dilakukan.

Hasil kajian ini mendapati:

- i. Terdapat perkaitan antara amalan kehidupan masyarakat Melayu dengan Orang Ulu terutama dari sudut pantang larang, adat resam dan kepercayaan karut.
- ii. Orang laut mengamalkan kepercayaan karut melalui pawang yang menyelubungi dan menguasai minda mereka. Pegangan mereka terhadap akidah Islam sangat lemah sehingga tidak mampu membataskan kepercayaan karut yang nyata dengan akidah yang sebenar.

Namun begitu, kajian di atas banyak menyentuh dan menerangkan mengenai perkaitan Islam dalam kehidupan masyarakat Orang Asli,

---

<sup>26</sup> Amran Kasimin (1991), *Religion and Social Change Among The Indigeneous People of The Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Orang Ulu dan Melayu. Oleh demikian, kajian ini tidak menyentuh mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kepercayaan karut dalam kalangan masyarakat tersebut terhadap tuntutan Islam melalui aktiviti-aktiviti dakwah yang telah digagaskan.

- e. Badr Azimabadi,<sup>27</sup> menulis buku mengenai “*Islam The Final Choice*”. Buku ini memaparkan mengenai kisah tokoh-tokoh dunia yang memilih agama Islam sebagai agama yang dianutinya. Buku ini juga mengisahkan ada lima puluh satu tokoh dunia yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan berasal dari negara-negara yang berbeza. Mereka semua memilih Islam sebagai agama yang diyakini kebenarannya.

Hasil kajian ini mendapati:

- i. Buku ini memberi maksud yang sangat besar kepada masyarakat Islam kerana tokoh-tokoh tersebut menggemparkan dunia mengenai kebenaran Islam.
- ii. Buku ini memaparkan bahawa Islam adalah agama yang sebenar yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk dianuti ajarannya dan diamalkan dalam kehidupan harian.
- iii. Buku ini menjelaskan mengenai tokoh-tokoh dunia yang memilih agama Islam sebagai agama yang dianutinya dan membincangkan mengenai kebenaran Islam sebagai agama Samawi yang terakhir.

---

<sup>27</sup>Badr Azimabadi (2001), *Islam The Final Choice*, Dar Fikri (Terj.), Jakarta Timur: Terbitan Darul Falah.

Buku ini banyak memaparkan mengenai tokoh-tokoh dunia yang memilih Islam sebagai agama yang dianuti dan sebab-sebabnya. Justeru itu, kajian ini tidak menyentuh mengenai amalan-amalan yang perlu dilakukan di dalam Islam seperti asas-asas fardu ain dan kifayah untuk menjadi seorang yang bertakwa.

## 1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini menggabungkan beberapa dimensi disiplin ilmu pengajian Islam dan menggunakan beberapa metodologi yang ada hubungan dengan kajian, kerana ia menentukan cara sesuatu kajian itu dilakukan ke arah penentuan kualiti sesuatu kajian. Metodologi merupakan suatu elemen yang penting di dalam sesuatu kajian atau penelitian ilmiah.

Metodologi bererti ilmu mengenai cara mengadakan penelitian atau kajian.<sup>28</sup> Metodologi berasal daripada dua perkataan di dalam bahasa Yunani iaitu *metodos* yang bererti cara dan *logos* yang bererti ilmu.<sup>29</sup> Oleh yang demikian, metodologi bererti ilmu mengenai sesuatu cara. Manakala penyelidikan bererti usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan pentafsiran terhadap data-data yang terkumpul.

Metodologi penyelidikan ialah kaedah yang digunakan bertujuan untuk memperoleh maklumat-maklumat yang tepat, konkrit dan bernilai serta membuat penganalisan dan keputusan di atas maklumat demikian.

Dalam menyusun dan menyiapkan kajian disertasi ini, pengkaji telah menggunakan dua bentuk kajian yang bersepadu, dengan menggunakan dua cara bagi

---

<sup>28</sup>Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogarkarta: Penerbit Yayasan FIP-IKIP, h. 51.

<sup>29</sup>Koentjaraningrat (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P. T. Gramidia, h. 16.

mendatangkan hasil yang baik dan tepat iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data adalah satu cara untuk mengumpulkan data-data, maklumat-maklumat dan informasi yang tepat dan bernilai serta konkrit berkaitan dengan kajian untuk diselidiki. Metode ini dibahagikan kepada dua iaitu metode dokumentasi dan metode kajian lapangan (*field research*).

#### **a. Metode Dokumentasi**

Dokumentasi adalah sesuatu yang dapat memberi keterangan dalam berbentuk tulisan sama ada memakai tinta mahupun tangan atau alat elektronik seperti printer.<sup>30</sup> Menurut Kamus Dewan dokumentasi ialah sesuatu yang bertulis atau bercetak seperti sijil kelahiran dan sijil kematian, yang digunakan sebagai rekod atau bukti.<sup>31</sup> Metode ini dilakukan dengan menggabungkan beberapa tema yang sesuai dan berkaitan dengan topik. Ia digunakan bagi menghasilkan analisa deskripsi kritis mengenai fakta-fakta yang berkaitan.<sup>32</sup> Melalui metode ini, penyelidikan dilakukan di beberapa buah perpustakaan bagi mendapatkan bahan-bahan kajian dalam bentuk dokumen untuk dijadikan objek penelitian. Melalui metode ini juga, pengkaji dapat melengkapi sebahagian besar maklumat yang diperlukan seperti latar belakang sesuatu topik yang dibincangkan, sejarah, konsep, epistemologi, prinsip, teori dan lain-lain lagi.

---

<sup>30</sup>Wikipedia bahasa Indonesia & ensiklopedia bebas, <http://id.wiki.org/wiki/dokumen.com>. 3/03/2011.

<sup>31</sup>Lihat Teuku Iskandar (1992), h. 245.

<sup>32</sup>Nohanizam Ab. Razak (2005), *Keberkesanan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli, B 12, Gombak, Selangor*, Kuala Lumpur: Latihan ilmiah Universiti Malaya, h. xxii.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pengkaji telah merujuk kepada dokumen-dokumen seperti buku, jurnal, ensiklopedia, buletin, akhbar, data rasmi kerajaan atau bukan kerajaan, pelbagai media cetak yang mempunyai kaitan bersesuaian dengan topik yang dikaji dan sebagainya. Pengkaji juga telah menggunakan beberapa buah perpustakaan di dalam dan di luar tempat kajian. Antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Za'ba, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM Bangi dan Perpustakaan Awam Kedah. Penggunaan metode ini banyak ditumpukan dalam bab satu dan dua untuk menjelaskan dakwah dan fungsinya serta saudara baru dan perkara yang berkaitan dengannya.

#### **b. Metode Kajian Lapangan (*Field Research*)**

Bagi menyiapkan kajian ini, beberapa pendekatan kajian lapangan digunakan untuk mengumpul data. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Pemerhatian turut serta: Iaitu dengan secara langsung pengkaji melibatkan diri dengan aktiviti dakwah saudara baru pada tahun 2009 dan 2010. Pengumpulan data dilakukan dengan cara melihat, mendengar dan mencatat hal-hal yang penting untuk menyokong perbincangan tesis ini.

Dalam kajian ini, metode ini digunakan dalam bab tiga dan empat yang menyentuh mengenai aktiviti dakwah dan masalahnya bagi menyokong data-data yang diperoleh secara temu bual.

- ii. Temu bual bersemuka: Ia merupakan satu kegiatan atau perbuatan komunikasi dilakukan untuk bertemu bual bagi mengemukakan soalan-soalan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada informan. Ia adalah satu proses aktif yang melibatkan responden.<sup>33</sup> Penggunaan metode ini banyak ditumpukan dalam bab tiga dan empat.

Kajian ini menggabungkan dua kaedah jenis *sampling* iaitu *snowball sampling* dan *purposive sampling*. *Snowball sampling* adalah teknik penarikan sampel yang dilakukan dalam jumlah kecil (informan kunci) kemudian sampel yang dipilih meningkat kepada sampel berikutnya, akhirnya jumlah sampel tersebut bertambah banyak dan semakin meningkat. *Purposive sampling*, adalah teknik penarikan sampel yang dilakukan untuk tujuan tertentu saja. Adapun *snowball purposive sampling* ialah cara untuk menghubungkan seseorang *sampling* atau pemilihan *sampling* secara rangkaian.<sup>34</sup> Dalam kajian ini, kriteria-kriteria pemilihan informan melalui kaedah demikian adalah seperti berikut:

- a. Pegawai Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim (Bahagian Aktiviti Dakwah)
- b. Pendakwah (Mubaligh)
- c. Saudara baru

Setelah dikenal pasti informan di atas, maka pegawai Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim, Bahagian Aktiviti Dakwah sahaja ditemu bual untuk mendapatkan fakta berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji juga menemu bual

---

<sup>33</sup>Syed Arabi Idid (1998), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 70.

<sup>34</sup>W. Lawrence Neuman (1991), *Sosial Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*, Massachusetts: Allyn and Bacon, h. 2004.

para pendakwah (mubaligh) yang berpengalaman luas dalam bidang aktiviti dakwah terhadap saudara baru sahaja. Manakala saudara baru yang ditemu bual adalah sebahagian daripada kalangan mereka yang hadir mengikuti aktiviti dakwah anjuran JAWI sahaja.

### **1.9.2 Metode Analisis Data**

Setelah selesai proses pengumpulan data, kerja-kerja mengolah dan menganalisis data pula dilakukan. Untuk tujuan tersebut, pengkaji menggunakan tiga metode analisis data iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif.

#### **a. Metode Induktif**

Metode induktif merupakan satu proses logik yang dapat memberikan penjelasan umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.<sup>35</sup> Ia juga ditafsirkan sebagai suatu cara menganalisis data menerusi pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada pembuktian dalil-dalil umum.<sup>36</sup>

Berpandukan metode ini, kajian ini akan menghuraikan sesuatu fakta yang bersifat khusus dengan membuat penganalisan yang bersifat umum terhadap statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2004 hingga 2009 yang diterbitkan oleh JAWI serta menganalisis aktiviti dakwah terhadap saudara baru hasil dari tinjauan secara langsung di JAWI dan masalahnya yang terangkum dalam bab tiga dan empat.

---

<sup>35</sup>Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd, h. 18.

<sup>36</sup>Koentjaraningrat (1997), *op. cit.*, h. 137.

## **b. Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah cara menganalisis dan melakukan pengkajian yang berdasarkan pola berfikir dan mencari pembuktian dengan menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan dalil-dalil umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik. Ia bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.<sup>37</sup>

Penggunaan metode ini dapat dilihat pada bahagian kajian lapangan iaitu hasil pemerhatian dan temu bual secara langsung di JAWI yang di buat menerusi responden yang terdiri daripada 2 pegawai JAWI Bahagian Aktiviti Dakwah Saudara Baru, 5 tenaga pengajar (mubaligh) dan 13 saudara baru yang dipilih terdiri daripada mereka berpotensi sahaja yang memenuhi kriteria sebagai seorang responden.

## **c. Metode Komparatif**

Metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan di antara data-data dan fakta-fakta yang diperoleh semasa penelitian di lakukan.<sup>38</sup> Segala data-data, fakta-fakta dan pendapat yang diperoleh dari hasil tinjauan secara langsung di JAWI, dikumpulkan untuk dibuat penelitian serta perbandingan sehingga didapati ia setara, menepati, berkualiti dan relevan untuk dipertanggungjawabkan sebagai kajian ilmiah.

---

<sup>37</sup>Sabarina Marican ( 2005), *op. cit.*, h. 19.

<sup>38</sup>*Ibid.*

## 1.10 Susunan Penulisan

Dalam pengkajian disertasi ini, pengkaji berpandukan pada buku pedoman pengkajian disertasi dan tesis yang dikeluarkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Kemudian, pengkaji membahagikan dalam disertasi ini kepada lima bab iaitu:

Bab 1: Penyusunan draf pengkajian dimulai dengan pendahuluan yang diisi di dalamnya dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian-kajian lepas, metodologi kajian dan yang terakhir susunan penulisan.

Bab 2: Dakwah terhadap saudara baru, bab ini membincangkan teori dalam aspek dakwah dan saudara baru. Isi kandungan bab ini ialah pendahuluan, definisi dakwah, definisi saudara baru, pendekatan dakwah terhadap saudara baru, faktor-faktor memeluk Islam dalam kalangan saudara baru turut dimuatkan di dalamnya dengan tajuk-tajuk yang khusus iaitu kesan pergaulan dengan masyarakat Islam, hasil pembacaan, faktor perkahwinan, pencarian sinar hidup, hidayah melalui mimpi, kepentingan peribadi dan dorongan keluarga.

Demikian lagi, bab ini menyatakan masalah yang dihadapi oleh saudara baru iaitu tentangan keluarga, tanggapan masyarakat Islam, pekerjaan, pasangan hidup, kewangan dan menghadapi gejala sosial. Seterusnya, bab ini menyatakan saudara baru dan undang-undang serta kesimpulan.

Bab 3: Aktiviti dakwah terhadap saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Bab ini mengandungi pendahuluan dan membincangkan mengenai pengenalan Jabatan Agama Islam Wilayah

Persekutuan (JAWI), statistik saudara baru dari tahun 2004 hingga 2009, jantina saudara baru, bangsa saudara baru, taraf pendidikan saudara baru, agama sebelum masuk Islam dan peringkat umur saudara baru.

Bab ini disusuli dengan aktiviti pengisian ilmu iaitu kelas pengajian al-Quran, kelas pengajian asas-asas fardu ain, kursus intensif fardu ain/khemah ibadah, kursus pemantapan akidah, majlis bacaan dan penghayatan Yasin, majlis ilmu dan ceramah, konvensyen/muzakarah saudara baru/Muslim, kursus metodologi dakwah dan khidmat nasihat/kaunseling.

Berikutnya kajian ini membincangkan sambutan keagamaan di JAWI iaitu majlis penghayatan Ramadhān, majlis sambutan Aidilfitri, majlis sambutan Maal Hijrah, majlis sambutan Maulidur Rasul, majlis sambutan Isra' dan Mi'raj. Seterusnya, bab ini turut membincang mengenai aktiviti kebajikan iaitu ziarah saudara baru yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan majlis sambutan hari keluarga saudara Muslim peringkat Wilayah Persekutuan serta kesimpulan bagi bab ini.

Bab 4: Masalah dalam aktiviti dakwah saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bab ini dimulai dengan pendahuluan kajian dan seterusnya membincangkan mengenai masalah saudara baru yang merangkumi masalah saudara baru tidak komited, masalah tingkah laku negatif saudara baru dan masalah pemelukan Islam kerana kepentingan tertentu.

Berikutnya masalah pendakwah iaitu masalah pendakwah tidak komited, masalah tingkah laku negatif pendakwah dan masalah pendakwah dengan

institusi dakwah. Seterusnya bab ini menyatakan masalah penganjur iaitu masalah kekurangan pendakwah (tenaga pengajar) dan masalah kewangan serta kesimpulan bagi bab ini.

bab 5: Kesimpulan kepada keseluruhan kajian. Dalam bab ini, pengkaji mulakan dengan pendahuluan, kesimpulan kajian serta cadangan dan saranan untuk semua pihak khususnya terhadap pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan tindakan segera.